



## WORLD OCEAN DAY 2023: 'SATU LAUTAN, SATU IKLIM, SATU MASA DEPAN – BERSAMA'

8 Jun 2023, Port Dickson – Jabatan Perikanan Malaysia telah menganjurkan satu program bersempena sambutan **World Ocean Day 2023** dengan tema '**Satu Lautan, Satu Iklim, Satu Masa Depan – Bersama**' dengan menjalankan aktiviti-aktiviti ke arah pemuliharaan biodiversiti marin di Port Dickson. Program ini telah dirasmikan oleh YB. Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Seramai 30 orang penyelam sukarela yang diketuai oleh Mohamad Izam bin Md Yamin telah melakukan selaman di dasar laut bagi aktiviti menyelam dan pembersihan pukut terbiar (*ghost net*).

Chan berharap agar aktiviti dan program pemuliharaan seperti ini akan diteruskan di masa akan datang bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam penjagaan alam sekitar. Tambah beliau lagi, didikan awal di kalangan generasi muda dan peringkat sekolah adalah inisiatif terbaik agar jiwa mereka dididik dengan semangat cintakan alam sekitar.

Dalam majlis perasmian tersebut, Chan turut mengumumkan dua taman laut baharu yang diwartakan di bawah Seksyen 41, Bahagian ix (9) Akta Perikanan 1985 pada tahun ini iaitu **Taman Laut Negeri Melaka berkeluasan 26.97 km<sup>2</sup>** dan **Taman Laut Gugusan Pulau Lima Johor berkeluasan 299.0 km<sup>2</sup>**. Ini menjadikan status terkini keluasan kawasan perairan negara yang telah diwartakan mencapai **25,358.39 km<sup>2</sup>**, atau **5.35% dari keseluruhan perairan keluasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ)** negara sebesar 473,952 km<sup>2</sup>.

Sebanyak 3 ekor penyu karah dan 3 ekor penyu agar berusia 4 tahun telah dilepaskan oleh Pusat Ikan Hiasan Port Dickson (PIH PD) ke laut sempena sambutan Hari Laut Sedunia. Pusat tersebut turut menyerahkan 3 ekor penyu agar berumur 3 tahun kepada Glory Beach Resort iaitu premis swasta tunggal di Negeri Sembilan yang mempunyai lesen memiliki penyu secara bersyarat yang dikeluarkan oleh Pejabat Perikanan Negeri Sembilan melalui Kaedah-Kaedah Perikanan (Penyu dan Telur Penyu), 1976.

Selain itu, sebanyak 20 ekor induk ikan inggu (10 ekor jenis *clown anemone* dan 10 ekor jenis *Amphiprion frenatus*) yang berumur 4 hingga 6 bulan bergenerasi F2 akan dilepaskan ke perumahannya yang dikenali sebagai buran atau *sea anemone*. Setiap induk betina ikan inggu boleh menghasilkan jumlah telur antara 150 hingga 200 biji dengan kadar penetasan 50% hingga 80% bergantung kepada spesiesnya.

PIH PD merupakan pusat di bawah Pejabat Perikanan Negeri Sembilan yang berperanan sebagai galeri ikan hiasan marin, pusat pembiakan ikan inggu, konservasi penyu serta terumbu karang agar populasi sumber marin ini tidak terjejas, seiring kepesatan pembangunan di Port Dickson.

Jabatan turut melepaskan sebanyak 8 ribu ekor benih ketam renjung 'Crablet 3' yang bersaiz anggaran 1cm turut dilepaskan bagi tujuan pengkayaan sumber perikanan.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my); [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)